

PM menghadap Agong di Kuantan selepas mesyuarat khas

Spekulasi darurat cetuskan keresahan rakyat Malaysia

Oleh NOR IDAYU BOSRO,
MOHD. HUSNI MOHD. NOOR
dan RIDZAUDDIN ROSLAN

PUTRAJAYA – Kabinet semalam dipercayai membincangkan kemungkinan untuk melaksanakan darurat bagi mengatasi ketidakstabilan politik negara ketika ini sekali gus memberi fokus kepada usaha menangani penularan jangkitan Covid-19.

Perkara itu dikatakan telah diputuskan dalam mesyuarat khas di Bangunan Perdana Putra di sini pagi semalam yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Berikutan itu, Perdana Menteri menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Abdul Aziz, Indera Mahkota di Kuantan petang semalam bagi mendapatkan perkenan baginda berhubung perkara tersebut.

Perdana Menteri tiba di pintu masuk istana berkenaan pada pukul 4.40 petang.

Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Affendi Buang adalah antara yang dilihat berada dalam konvoi mengekori Perdana Menteri ketika memasuki istana.

Muhyiddin kemudian dilihat meninggalkan pekarangan Istana Abdul Aziz kira-kira pukul 7.10 malam setelah selesai menghadap Yang di-Pertuan Agong.

Pertemuan itu dikatakan berlangsung selama lebih dua jam.

Bagaimanapun, setakat pukul 9.30 malam tadi, Perdana Menteri tidak mengadakan sidang akhbar atau mengeluarkan kenyataan media mengenai perkara itu.

Selain itu, tiada kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh pihak Istana Negara berhubung perkara sama.

Terdahulu, Muhyiddin memengerusikan satu mesyuarat khas selama hampir tiga jam di Bangunan Perdana Putra di sini bermula pukul 9.30 pagi sebelum berakhir kira-kira pukul 12 tengah hari semalam.

Antara yang dilihat hadir pada mesyuarat khas itu termasuklah Menteri Pertahanan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed



AL-SULTAN ABDULLAH menerima menghadap Muhyiddin di Istana Abdul Aziz, Indera Mahkota, Kuantan semalam.



KENDERAAN (depan) dinaiki Perdana Menteri keluar dari pekarangan Istana Abdul Aziz, Indera Mahkota di Kuantan semalam.

Azmin Ali dan Menteri Luar, Datuk Seri Hishamuddin Hussein.

Selain itu, beberapa menteri lain termasuk Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz serta Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man.

Turut kelihatan Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador.

Sementara itu, desas-desus kencang kononnya kerajaan pimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu melaksanakan darurat bagi menyelesaikan kemelut politik negara dan menumpukan kepada usaha mencegah penularan pandemik Covid-19 mencetuskan keresahan ramai rakyat.

Rata-rata rakyat menerusi laman sosial mempersoalkan kesahihan pengisytiharan darurat itu sama ada ia akan diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atau sebaliknya.

Berdasarkan pemantauan Kosmo! di laman media sosial Twitter, perkongsian berkenaan tanda pagar #Darurat mendapat ciapan lebih 76,000 pengguna, manakala #YDPA dikongsi kira-kira 9,000 akaun.

Majoriti netizen melahirkan pelbagai persoalan dan kebimbangan berhubung darurat politik itu memandangkan tidak mempunyai gambaran jelas berkenaan pengisytiharan terbabit.

Seorang pengguna Twitter,

@minud_ menyifatkan keputusan Kabinet untuk berjumpa Al-Sultan Abdullah sebelum melaksanakan darurat sebagai langkah terbaik.

"Bagus, tetapi darurat ini untuk maksud yang bagaimana? Politik atau Covid-19? Jika berkaitan politik, ia baik kerana rakyat sudah penat lihat perebutan kuasa.

"Andai darurat itu berkenaan Covid-19, situasi sama tetap berlaku dan mereka akan merebut kuasa," tulisnya semalam.

Seorang lagi pengguna, @nmaaisurah turut melahirkan rasa sedih sekiranya kerajaan bercadang mengumumkan pengisytiharan darurat ekoran dia berada jauh daripada keluarga.

"Saya mendoakan semua orang yang berada jauh dengan keluarga dan berharap Tuhan sentiasa menolong kita untuk kekal tabah," katanya.

Persoalan sama turut ditimbulkan pemilik akaun @RezaRoslan2 dengan menanyakan apa yang akan berlaku sekiranya perintah darurat tersebut dilaksanakan di Malaysia dan bagaimana dengan kebajikan rakyat.

"Adakah rakyat akan terkesan dengan langkah baharu kerajaan, harap semua dipermudahkan kerana apa yang paling penting ketika ini ialah usaha memastikan pandemik Covid-19 dapat dikawal.

"Hal berkaitan politik mungkin boleh dihentikan buat seketika," ujarnya.

Darurat

- Suatu keadaan berkaitan keselamatan, ekonomi dan ketenteraman awam yang tidak dapat dikawal melalui sistem pentadbiran biasa
- Pengisytiharan darurat adalah suatu pemasyhuran yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong melalui suatu pewartaan bahawa keadaan tersebut telah wujud atau hampir berlaku
- Kesan umum darurat ialah Perlembagaan digantung dan pentadbiran negara adalah ditentukan oleh pihak eksekutif
- Tentera juga boleh mengambil alih teraju dalam hal berkaitan keselamatan jika keadaan memerlukan, lebih-lebih lagi apabila darurat diisytiharkan kerana berlakunya ancaman kepada keselamatan negara
- Ketika proklamasi darurat berkuat kuasa, kuasa eksekutif Persekutuan adalah juga meliputi semua perkara dalam kuasa perundangan negeri
- Perlembagaan membenarkan pengisytiharan darurat melalui Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.
- Yang di-Pertuan Agong berkuasa untuk meneruskan jentera pentadbiran kerajaan selepas darurat diisytiharkan
- Seri Paduka akan mendapatkan nasihat Perdana Menteri sama ada Kabinet sedia ada akan dikekalkan atau ditukar

Darurat di Malaysia

1. Darurat Tanah Melayu

- Diisytiharkan kerajaan British di Malaya bermula tahun 1948 hingga 1960 sehingga menyebabkan penarikan sebahagian hak sivil dan pemberian kuasa istimewa kepada polis

- Bertujuan menghalang kegiatan politik berhaluan kiri terutama Parti Komunis Malaya

2. Krisis Perlembagaan Sarawak 1966

- Kerajaan Malaysia mengisytiharkan darurat di Sarawak pada bulan September 1966 ekoran krisis politik yang terjadi di negeri itu

3. Peristiwa 13 Mei 1969

- Titik hitam dalam sejarah negara apabila berlakunya rusuhan kaum yang mengakibatkan kehilangan nyawa serta harta benda dan mempunyai kaitan dengan Pilihan Raya Umum 1969

- Pengisytiharan darurat oleh Yang di-Pertuan Agong pada malam 16 Mei. Perlembagaan Persekutuan digantung dan diperintah secara terus oleh Agong di bawah undang-undang tentera